

## Tamak punya pasal



Seorang anggota Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kluang menunjukkan harga ikan Kembong yang melebihi harga maksimum di jual di sebuah kedai runcit di Taman Sri Impian, Kluang. FOTO ADNAN IBRAHIM.

Adnan Ibrahim  
am@hmetro.com.my

SIKAP tamak seorang peniaga di Taman Sri Impian dekat Kluang yang menjual ikan kembong dengan harga RM20 sekilogram (kg) mengundang padah apabila dia dikompaun sebanyak RM2,500, hari ini.

Ketua Pegawai Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Mohd Zulazre Mokeri berkata, hasil pemeriksaan pihaknya jam 11 pagi tadi mendapati peniaga terbabit melanggar Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena Hari Raya Aidilfitri seperti ditetapkan kerajaan.

Katanya, mengikut SHMMP, ikan kembong sepatutnya dijual dengan harga maksimum RM15 sekilogram namun peniaga terbabit menjualnya pada harga RM20.

"Berikutan kesalahan itu, peniaga terbabit dikenakan kompaun sebanyak RM2,500 mengikut skim kawalan harga yang berkuatkuasa mulai 20 Mei hingga 3 Jun ini.

"Sepanjang pelaksanaan SHMMP, KPDNHEP Kluang sudah mengeluarkan empat kompaun membabitkan bayaran denda sebanyak RM6,500 kerana kesalahan menjual barang kawalan melebihi harga maksimum," katanya.

Mohd Zulazre berkata demikian selepas membuat pemeriksaan harga barang kawalan di beberapa buah kedai runcit di Taman Sri Impian dekat Kluang, hari ini.

Katanya, pihaknya tidak memandang ringan terhadap tindakan segelintir peniaga di sekitar bandar ini yang sengaja melanggar skim kawalan harga ini.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan peniaga yang menaikkan harga jualan melebihi harga maksimum sepanjang musim SHMMP boleh melakukan aduan di talian 1-800-886-800 atau pejabat KPDNHEP Kluang 07-7736877," katanya.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/583013/tamak-punya-pasal>

Artikel ini disiarkan pada : Rabu, 27 Mei 2020 @ 5:49 PM

